

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, May 28, 2017 11:32 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: PERMEDIA MENGANJURKAN INTERNATIONAL CONFERENCE ON MEDIA STUDIES 2017 MEMBINCANGKAN LANDSKAP MEDIA MASA KINI.



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia



02 Ramadhan 1438H bersamaan 28 Mei 2017

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

**PERMEDIA MENGANJURKAN INTERNATIONAL CONFERENCE ON MEDIA STUDIES 2017
MEMBINCANGKAN LANDSKAP MEDIA MASA KINI.**

Penggunaan media sosial termasuk Twitter dan Instagram telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian masyarakat kini. Laman sosial *online* dan media massa hari ini tidak mempunyai kawalan untuk menyokong apa-apa maklumat daripada diterbitkan. Namun, ianya telah menjadi kebimbangan sama ada maklumat yang disebarikan boleh dipercayai atau sebaliknya. Oleh yang demikian, Persatuan Teknologi Media (PERMEDIA) dengan kerjasama Pembangunan Pelajar dan Alumni, College of Arts and Sciences (PPA CAS) telah menganjurkan International Conference On Media Studies 2017 pada 2, 3 dan 4 Mei 2017. Seminar ini diadakan bertujuan untuk membentang, membincang dan menyebarkan perkembangan semasa, pendekatan baru, peralatan baru dan penyelesaian praktikal kepada landskap media.



Seminar yang berlangsung selama 3 hari ini telah dirasmikan oleh Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, College of Arts and Sciences (PPA CAS). Dekan PPA CAS dalam ucapan perasmianya berkata dunia yang semakin pesat dengan perkembangan teknologi ini telah menyebabkan kita tidak pasti sama ada informasi yang disebarkan betul atau tidak. Oleh yang demikian, beliau sangat berbesar hati menerima respon yang sangat besar daripada delegasi-delegasi yang datang untuk berbincang, berdebat dan berbual berkaitan isu-isu dalam landskap media.



Seminar ini telah mendapat respon daripada 140 delegasi yang terdiri daripada pensyarah, penyelidik dan juga pelajar dari lima buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia, India dan Jordan.





Turut hadir semasa majlis perasmian ini adalah Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Profesor Madya Dr. Ariffin Abdul Mutalib; Penasihat Persatuan Teknologi Media (PERMEDIA), Encik Azhar Bin Kasim; dan juga wakil-wakil dari lima buah negara yang terlibat.

Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office
 UUM College of Arts & Sciences
 Tel: 049285307 | Faks: 049285310
 Email:cas-sadc@uum.edu.my
 Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.